UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PIONEERING EDUCATIONAL PERSPECTIVES

Series 2025

THE World University Rankings 2023 TOP 1501+
TOP 128 UI GreenMetric
MDEC Premier Digital Tech Institution
THE IMPACT RANKINGS 2022 TOP 101-200
MyRA

PIONEERING EDUCATIONAL PERSPECTIVES

Series 2025

Chief Editors:
Nur Alyani binti Khairol Anuar
Muhammad Irfan bin Mokhtar

Editors:
Aqeela binti Ahmad Kamiri
Hawa Syamsina binti Md Supie
Nurul Nadiah binti Rasdi
Qistina Azra binti Mohani
Siti Aishah binti Taib
Nurul Hijah binti Jasman
Siti Mariam binti Mohammad Iliyas

Published by:
Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA
Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, Jalan Purnama,
Bandar Seri Alam, 81750 Masai, Johor Darul Ta'zim.
07-3818455
edgii.apbpg@gmail.com

Copyright © Pioneering Educational Perspectives: Series 2025

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced in any form or by electronic or mechanical means, including information storage and retrieval systems, or transmitted in any form or by any means, without the prior permission in writing from the publisher.

e-ISBN : 978-967-0033-31-0

Published date: 2025

Chief Editors:
Nur Alyani binti Khairol Anuar
Muhammad Irfan bin Mokhtar

Editors:
Aqeela binti Ahmad Kamiri
Hawa Syamsina binti Md Supie
Nurul Nadiah binti Rasdi
Qistina Azra binti Mohani
Siti Aishah binti Taib
Nurul Hijah binti Jasman
Siti Mariam binti Mohammad Iliyas

Published by:
Academy of Language Studies, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang, Jalan Purnama, Bandar Seri Alam, 81750 Masai, Johor Darul Ta'zim.
07-3818455
edgii.apbpg@gmail.com

Preface

Pioneering Educational Perspectives: Series 2025 is a collection of thought-provoking insights and research contributions exploring contemporary educational trends and practices. This eBook presents a diverse range of perspectives on innovative teaching methodologies, digital learning strategies, and transformative approaches in education. Designed to serve as a resource for educators, researchers, and practitioners, it aims to inspire meaningful discussions and advancements in the field. Through carefully curated chapters, this publication offers fresh ideas and practical solutions to enhance learning experiences in an ever-evolving educational landscape.

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

KIT PEMBELAJARAN KEA (KENALI EMOSI ANDA) 258

Masni binti Jamin[1,*], Nooraini binti Ab. Latif [2], Fathimatuzzahra' binti Mohd Zabidon[3], Nurul Atiqah binti Muhamad Nujeib[4], 'Irdina binti Shariful Anuar[5] 258

SIMBA 261

Zarkashi bin Junaidin[1], Nur Dania Qistina binti Nor Shafizul Adli[2] & Puan Masni binti Jamin[3] 261

i-FleQ: INFOGRAFIK FLEKSI AL-QURAN 265

Khadijah Yusop[1,*], Mohd Fauzi Abdul Hamid[2] & Mohd Firdaus Yahaya[3] 265

EASY MATHWAY FORMULAE MODULE 269

[1]Pavithra A/P Kanabathi, [2]Shivani A/P Batumalai, [3]Ranjitha Lakshmi A/P Rajacrcha Kumar & [4]Jyothsheny Selvam 269

e-LAGU SERONOK, KOSA KATA MANTAP! *e-SONGS FUN, VOCABULARY STRONG!* 273

Viannie Tongguritom[1] & Minah Sintian [2*] 273

THE IMPLEMENTATION OF ECO READER QUEST MODULE TO ENHANCE STUDENTS' AWARENESS OF SUSTAINABLE PRACTICES 277

Nurmiza bt Rifayudeen[1,], Sharifah Radiyah bt Sayed Hasan[1], Dayini Dhabitah bt Zamil[1], Nur Syuhadah bt Syamsul Kamal[1] & Siti Aisyah bt Roslan[1*] 277

MARI MENGEJA BERSAMA-SAMA AYU 281

Roziah binti Ramli[1], Nur Amylia Natasya Mohamad Yusrie[2], Sarah Nabilah binti Mohd Mazni[3] Nur Hana Aliesha binti Muhd Hasanuddin [4] & Muhamad Danish bin Norahairuzan[5] 281

DEVELOPING ENGLISH COURSEWARE FOR LOWER SECONDARY SCHOOL STUDENTS: TEACHING PREPOSITIONS OF MOVEMENT IN EMAIL WRITING USING THE ADDIE MODEL ... 286

Muhammad Hafiz Mohd Zaki[1] 286

QUIZXPERT 290

Tharsinii Jayasilan[1] & Moganashwari Kandasamy[2] 290

ANIMATION VIDEO FOR VOCABULARY LEARNING 294

Nurain Khairina Zulkhairi[1] & Moganashwari Kandasamy[2] 294

UNLOCKING WORDS: THE VAK MODEL IN ACTION 298

Saiyidah Nafisah Mohd Nadzori[1], & Moganashwari Kandasamy[2] 298

VOCABVAULT : Enhancing Pre-service Teachers Vocabulary 302

Balqis Nur Aliah binti Misbah[1] & Moganashwari Kandasamy[2] 302

WHO VS. WHOM CHECKER 305

Nur Syazrina binti Ahmad Zubir[1] & Moganashwari Kandasamy[2] 305

SPARKLE READS TO IMPROVE PUPILS READING COMPREHENSION 309

Nurul Adawiyah Binti Abdul Manaf[1], & Dr Moganashwari Kandasamy[2] 309

VOCABULARY ENHANCEMENT THROUGH LITTLE GENIUS: WORD POWER 312

Nur Salsabila Irdina Binti Mohd Salleh[1] & Moganashwary Kandasami[2] 312

PHONICS PLAYLAND: AR FOR LEARNING PHONICS 316

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

i-FleQ: INFOGRAFIK FLEKSI AL-QURAN

Khadijah Yusop[1*], Mohd Fauzi Abdul Hamid[2] & Mohd Firdaus Yahaya[3]

[1,2,3] *Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.*

**Corresponding author: sl4298@putra.unisza.edu.my*

ABSTRAK

Fleksi atau *i'rab* merupakan cabang ilmu tatabahasa yang menjadikan bahasa Arab unik namun kompleks untuk dipelajari. Hal ini demikian kerana penyampaian maklumat dalam kitab-kitab yang sering digunakan bagi pembelajaran fleksi bahasa Arab sukar difahami. Sehubungan itu, seiring perkembangan teknologi kini, pengkaji menghasilkan suatu inovasi dalam pembelajaran fleksi bahasa Arab melalui pembangunan modul Infografik Fleksi al-Quran, i-FleQ. Pembangunan modul ini bertujuan membantu para pelajar menguasai ilmu fleksi bahasa Arab dengan lebih mudah menerusi penggunaan infografik dalam bahan pembelajaran dan konsep pembelajaran abad ke-21, iaitu pembelajaran berpusatkan pelajar. Seterusnya, kandungan modul memfokuskan fleksi bahasa Arab bagi 19 surah daripada Juzu' 30 al-Quran dan ditampilkan dalam bentuk infografik yang menarik. Selain itu, pembangunan modul ini dilaksanakan berdasarkan pendekatan Reka Bentuk dan Pembangunan yang merangkumi dua fasa kajian, iaitu fasa analisis keperluan dan fasa reka bentuk dan pembangunan. Dapatan kajian pada menunjukkan majoriti pelajar bersetuju bahawa infografik meningkatkan kreativiti berfikir dan membantu mereka mengingati konsep pembelajaran fleksi bahasa Arab dengan lebih mudah dan menyeronokkan. Tuntasnya, modul ini dapat dimanfaatkan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran fleksi bahasa Arab bagi para pelajar, pensyarah guru, dan orang awam serta boleh dijadikan panduan bagi memahami makna ayat al-Quran berdasarkan ilmu fleksi bahasa Arab.

KATA KUNCI: Pembangunan modul, Infografik, fleksi bahasa Arab, Fleksi al-Quran, Tatabahasa Arab, Aplikasi teknologi dalam PdP.

MASALAH DAN OBJEKTIF

Menurut Mu'min (2021), masih ramai pelajar muslim yang tidak boleh menentukan *i'rab* perkataan bahasa Arab dengan baik. Di samping itu, A. Mualif (2019) menyatakan bahawa teknik pengajaran ilmu *nahu* berpusatkan guru dan hafalan menjadikan pelajar tidak dapat mengaplikasikan ilmu *nahu* tersebut secara kendiri setelah selesai pembelajaran. Pengajaran berpusatkan guru juga menyebabkan pembelajaran menjadi kurang efektif berikutan pelajar sukar mengingat fakta-fakta yang dipelajari. Situasi ini berlaku kerana pelajar perlu memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap pengajaran guru dalam tempoh masa yang lama tanpa penglibatan mereka secara aktif (Che Ku Nor Asiah et al., 2019). Sehubungan itu, modul i-FleQ yang dibangunkan menekankan konsep Pembelajaran Abad ke-21 (PAK 21) bagi menggalakkan pembelajaran fleksi bahasa Arab berpusatkan pelajar. Seterusnya, antara masalah yang berlaku dalam pengajaran bahasa Arab di Malaysia ialah masalah keberkesanan bahan bantu mengajar dan kekurangan bahan bacaan tambahan (Abdul Razif et al., 2019). Menurut Azlan et al. (2023), bahan pembelajaran berasaskan teknologi merupakan medium yang dihajati oleh para pelajar pada zaman teknologi yang serba canggih ini. Hal ini kerana mereka sudah terbiasa dengan penggunaan gajet dalam urusan kehidupan seharian. Apabila

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

kemudahan teknologi yang sedia ada tidak dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya, PdP bahasa Arab menjadi kurang berkesan dan tidak menarik (Rahimi seperti yang dinyatakan dalam Abdul Razif et al., 2019). Bagi mengatasi masalah tersebut, pengkaji telah membangunkan sebuah modul Infografik Fleksi al-Quran (i-FleQ) bagi menambahkan variasi bahan pengajaran dan pembelajaran *i'rab* bahasa Arab berasaskan teknologi dan menarik minat pelajar mempelajari *i'rab* bahasa Arab melalui infografik yang menarik.

PENERANGAN REKA BENTUK

Infografik Fleksi al-Quran (i-FleQ) merupakan suatu inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran fleksi bahasa Arab. Modul yang dibangunkan berdasarkan pendekatan Reka Bentuk dan Pembangunan mengetengahkan pembelajaran fleksi bahasa Arab dalam al-Quran berasaskan infografik dan kandungannya merangkumi *i'rab* setiap perkataan dalam 19 surah daripada Juzu' 20 al-Quran yang disertai dengan terjemahan. Modul ini dapat dimanfaatkan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran fleksi bahasa Arab bagi para pelajar, pensyarah guru, dan orang awam serta boleh dijadikan panduan bagi memahami makna ayat al-Quran berdasarkan ilmu fleksi bahasa Arab.

VISUAL

Berikut merupakan contoh paparan modul i-FleQ:



Rajah 1.1 Paparan kandungan modul i-FleQ

NOVELTI DAN KEUNIKAN

Modul Infografik Fleksi al-Quran (i-FleQ) merupakan suatu modul pembelajaran kendiri yang boleh dipelajari tanpa bimbingan guru sepenuhnya. Hal ini demikian kerana modul ini mengaplikasikan konsep pembelajaran berpusatkan pelajar (PAK 21). Selain itu, *i'rab* setiap perkataan yang ditampilkan dalam modul i-FleQ menggunakan warna yang berbeza-beza bagi mengelakkan kekeliruan dalam pembacaan. Di samping itu, modul i-FleQ juga telah menyediakan terjemahan bagi setiap perkataan bahasa Arab yang terdapat dalam setiap surah.

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

Oleh yang demikian, selain mempelajari ilmu *i'rab*, pembaca juga dapat menambahkan kosa kata bahasa Arab. Seterusnya, latihan secara interaktif turut disediakan bagi menguji kefahaman pembaca terhadap ilmu yang dipelajari.

MANFAAT

Aplikasi teori *i'rab* bahasa Arab dalam ayat al-Quran dalam modul i-FleQ dapat membantu para pelajar menguasai ilmu tersebut dengan lebih berkesan di samping persembahan maklumat yang menarik dapat menambahkan minat pembaca untuk mempelajarinya. Selain itu, modul i-FleQ juga dapat menambahkan kosa kata bahasa Arab melalui terjemahan perkataan yang disediakan. Di samping itu, terjemahan ayat al-Quran yang dinyatakan juga dapat meningkatkan kefahaman terhadap ayat al-Quran melalui *i'rab* dan terjemahan ayat yang telah dinyatakan. Seterusnya, modul i-FleQ juga dapat dimanfaatkan sebagai bahan bantu mengajar berasaskan teknologi yang bertujuan membantu para pensyarah dan guru menyampaikan ilmu fleksi bahasa Arab dengan lebih berkesan.

POTENSI KOMERSIAL

Modul Infografik Fleksi al-Quran boleh dikomersialkan sebagai e-buku (*e-book*) yang dapat dijual dengan harga mampu milik dan tidak memerlukan sebarang kos percetakan. Oleh yang demikian, modul i-FleQ dapat dimanfaatkan oleh para pelajar sebagai bahan pembelajaran fleksi bahasa Arab yang lebih mudah diakses melalui peranti elektronik dan tidak memerlukan kos yang terlalu tinggi untuk dimiliki. Di samping itu, modul i-FleQ juga sesuai digunakan bagi kesemua golongan yang ingin mempelajari bahasa Arab. Kandungan modul yang mudah difahami dan merangkumi *i'rab* surah-surah pendek daripada Juzu' 30 al-Quran beserta terjemahan dapat menarik minat orang awam untuk mempelajari bahasa Arab.

KESIMPULAN

Tuntasnya, pembangunan modul Infografik Fleksi al-Quran merupakan suatu usaha bagi memperkasakan proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) fleksi bahasa Arab berasaskan teknologi. Penggunaan modul infografik dalam pembelajaran dapat membantu meningkatkan penguasaan ilmu fleksi bahasa Arab dalam kalangan para pelajar melalui persembahan maklumat yang berwarna, bergrafik, kreatif dan mudah difahami. Modul ini juga dapat dimanfaatkan oleh orang awam yang ingin mempelajari keunikan ilmu bahasa Arab. Usaha yang dilaksanakan ini akan terus dipergiatkan melalui perancangan pembangunan laman web interaktif dan kolaborasi bersama pusat-pusat pengajian bahasa Arab dan al-Quran di Malaysia.

RUJUKAN

A. Mualif. (2019). Metodologi pembelajaran ilmu *nahwu* dalam pendidikan bahasa Arab. *Jurnal al-Hikmah*, *1*(1), 26-36.

Abdul Razif Zaini, Noorshamsinar Zakaria, Hasmadi Hamdan, Muhammad Redzaudin Ghazali, & Mohd Rufian Ismai. (2019). Pengajaran bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan dan cabaran: Teaching of Arabic in Malaysia: Problems and challenges. *Jurnal Pengajian Islam*, *12*(1), 47– 57.

Azlan Shaiful Baharum, Ummu Hani Abas, Ahmad Asyraf Mat Ali, Mohd Naser Mohd Sabri, Mohamad Hazwan Abdul Rahman, & Mohd Shukri Yazid. (2023). Platform Bahan Pembelajaran Bahasa Arab Interaktif dalam Proses P&P: Kajian Awal Keperluan di USIM. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, *5*(1), 17-28.

e-ISBN: 978-967-0033-31-0

Che Ku Nor Asiah Che Ku Mohamad, Abdul Rauf Hassan, Abdul Halim Mohamad, & Nik Farhan Mustafa (2019). Pendekatan gamifikasi dalam pembelajaran *al-'adad wa al-ma'dud* dalam kalangan pelajar. *Journal al-Muqaddimah*, *7*(1), 11-22.

Mu'min, M. (2021). Ikhtilaf *al-i'rab* dalam al-Quran surah Al-Insan dan implikasinya dalam pembelajaran *nahwu* di madrasah tsanawiyah. *Tatsqifiy: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab*, *2*(1), 1–23. https://doi.org/10.30997/tjpba.v2i1.3630